

1072

AL-BAYAN FI 'ADDI AYY AL-QURAN KARYA IMAM ABU 'AMR AL-DANI (371-444): REFLEKSI METODOLOGI ILMIAH ILMU FAWASIL

Mahmud Lutfi Abd. Hadi, Ahmad Shahir Masdan, Mohd Mahfuz Jaafar

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

mahmudlutfi@kuis.edu.my

ABSTRAK

Tidak dapat disangkal tingginya himmah dan ketokohan Imam Abu 'Amr Al-Dani dalam ilmu-ilmu al-Quran. Karya beliau mencecah 120 buah kitab dan setiap karyanya menjadi rujukan generasi terkemudian. Antara buah tangan beliau ialah al-Bayan fi 'Iddi Ayi al-Quran yang menjadi pelengkap dalam ilmu fawasil. Kitab ini menerangkan tentang khilaf fasilah ayat-ayat dalam al-Qur'an, yang merupakan suatu perkara yang sinonim dengan waqf dan ibtida'. Banyak karangan yang ditulis oleh ulama berkenaan ilmu ini, yang masing-masing mempunyai metode tersendiri dalam membuat huraian dan perbahasan. Kajian ini dilakukan untuk mengetahui metode penulisan yang digarapkan oleh Imam Abu 'Amr Al-Dani dalam menghasilkan kitab al-Bayan fi 'Iddi Ayi al-Quran. Kajian ini menggunakan metode kajian perpustakaan. Setiap maklumat dan data diteliti dan dianalisis secara kritis bagi mencapai objektif kajian ini. Hasil daripada penganalisisan karya ini, pengkaji dapat mengetahui bagaimanakah metode penulisan Imam Abu 'Amr Al-Dani dalam karya beliau.

Kata Kunci: Metode Penulisan, Al-Bayan Fi 'addi Ayi Al-Quran, Imam Abu 'amr Al-Dani

1. PENDAHULUAN

Ilmu Fawasil merupakan suatu ilmu yang penting dalam pembacaan al-Qur'an. Ini kerana selain daripada berperanan menjadi panduan dalam pengiraan sesuatu ayat, ianya juga dapat menjadi pedoman untuk praktikal *waqf* dan *ibtida'* supaya terpelihara maksud sesuatu ayat. Dalam periyatan bacaan al-Quran, terdapat pengiraan yang berbeza dalam kalangan ulamak *'adad*. Perbezaan ini berpunca daripada berbezanya pendapat yang diambil daripada para sahabat radiallhuanhum. Terdapat banyak karangan ulamak dahulu dan sekarang yang ditulis mengenai ilmu Fawasil. Demikian juga, didapati metode yang dipersembahkan dalam penulisan mereka adalah berbeza. Ada yang melibatkan penggunaan matan, ada yang menyebutkan setiap sanad riwayat dan ada pula yang merupakan huraian tanpa matan. Contoh yang diambil penulis kali ini ialah kitab *Al-Bayan Fi 'addi Ayi Al-Quran* karya Imam Abu 'amr Al-Dani (371-444).

Kepentingan mengetahui Ilmu Fawasil :

- 1- Bagi menentukan sahnya solat kerana mengikut pendapat fuqaha' seseorang yang tidak menghafaz al-Fatihah, hendaklah mendatangkan ganti tujuh ayat dari al-Quran sebagai ganti, sekiranya dia tidak mengetahui tentang ilmu fawasil, bagaimanakah seseorang itu dapat mengira sehingga ayat ketujuh.
- 2- Memastikan seseorang mendapat pahala sunat dalam pembacaan al-quran iaitu bacaan rakaat kedua hendaklah lebih pendek daripada bacaan rakaat pertama.
- 3- Sebagai ukuran memastikan bacaan khutbah yang dibaca itu sah kerana di antara rukun khutbah itu ialah membaca satu ayat al-Qur'an dengan sempurna satu ayat.
- 4- Memperolehi pahala sunat dengan berhenti di tempat yang disunatkan berhenti iaitu di kepala ayat. Sekiranya tidak mengetahui ilmu ini bagaimanakah untuk mempraktikkan waqaf dengan baik.

Beberapa karangan dalam ilmu Fawasil

Terdapat banyak penulisan berkenaan ilmu Fawasil. Ada yang ditulis sebagai satu bab dalam kitab-kitab ilmiyyah secara bercampur seperti yang ditulis oleh al-Suyuti dalam *al-Itqan*¹ dan Syaikh Musa Syahin Lasyin dalam *al-Laali al-Hisan*², dan ada juga yang ditulis secara khusus dalam sebuah kitab antaranya:-

1. Al-Faraid al-Hisan

Dikarang oleh syeikh ^cAbdul Fatah bin ^cAbdul Ghani al-Qadi (wafat 1403H). Terdiri daripada 130 bait syair. Matan ini disyarah oleh beliau sendiri dalam kitab *Nafais al-Bayan*.

2. Sa'adat al-Darain

Dikarang oleh syeikh Muhammad bin ^cAli bin Khalaf al-Husaini (wafat 1357H). Merupakan Syaikh al-Maqari negara Mesir dan ulamak al-Azhar. Kitab ini merupakan karangan yang bukan mensyarahkan matan.

3. Basyir al-Yasir Syarh Nazimah al-Zuhri

Karangan oleh syeikh ^cAbdul Fatah bin ^cAbdul Ghani al-Qadi, menghuraikan matan *Nazimah al-Zuhri* oleh imam al-Syatibi. Terdapat rumuz yang digunakan dalam matan untuk mengetahui bilangan ayat dalam setiap surah³.

4. Fawasil al-Ayat al-Qur`aniyyah

Kitab baru yang dikarang oleh Dr. Kamal al-Din ^cAbd Ghani al-Mursi yang dicetak untuk kali pertama pada 1999 oleh al-Maktab al-Jami^ci al-Hadith, Iskandariah. Kitab yang menerangkan kemukjizatan ilmu fawasil dan hubungannya dengan ilmu balaghah.

5. Husnu al-Madad fi Fanni al-^cAdad

Ianya dikarang oleh ^cal-allamah Ibrahim bin ^cUmar al-Ja^cbari (wafat 732H). Kandungannya berkisah tentang ayat makkiyyah dan madaniyyah serta bilangan dan pengiraan akhir sesuatu ayat.

2. BIODATA RINGKAS IMAM ABU ^cAMR AL-DANI⁴

Beliau ialah al-Hafiz al-Imam Syaikh al-Islam Abu ^cAmr ^cUthman bin Sa^cid bin ^cUthman ibn Sa^cid bin ^cUmar al-Umawy al-Muqri yang merupakan pengarang bagi banyak karangan ilmu-ilmu al-Quran. Dikenali dengan gelaran al-Dani kerana tinggalnya beliau di satu tempat yang dinamakan Daniah. Beliau dilahirkan apda tahun 371H dan telah mula menuntut ilmu pada tahun 386H. Kemudian mengembara ke timur 397H dan beliau berada di Qairawan selama empat bulan dan kemudiannya memasuki negara Mesir pada bulan Syawal dan telah tinggal di situ selama satu tahun. Setelah itu beliau mengerjakan haji dan kembali ke Andalus pada bulan Zulkaedah tahun 399H.

Banyak pujian yang diberikan oleh ulama terhadap Syeikhul Islam ini. Dikatakan oleh Abu Muhammad bin Ubaidillah al-Hajri al-Hafiz bahawa tidak ada pada zamannya dan

¹ Jalaluddin ^cAbd Rahman al-Suyuti, *Al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*, Dar Ibn Kathir, Damsyik, 1997 / 1416H, cet. Kedua. , jil. 2, hlm. 940.

² Musa Syahin Lasyin, *Al-Laali al-Hisan*, Matba^cah Dar al-Ta'lif, Cairo, 1968 / 1388H, hlm. 47.

³ As-Syatibi menggunakan simbol (أبجد هوز حطى كلمن سعفص قر) untuk mengetahui bilangan ayat. Hamzah (1), ba (2), jim (3), dal (4), ha (5), waw (6), zay (7), ha (8), ta (9), ya (10), kaf (20), lam (30), mim (40), nun (50), sin (60), ^cain (70), fa (80), sad (90), qaf (100) dan ra (200). Tiada yang lebih besar daripada angka dua ratus kerana bilangan ayat tidak melebihi tiga ratus. Sila lihat ^cAbdul Fatah bin ^cAbdul Ghani al-Qadi, *Basyir al-Yasir Syarh Nazimah al-Zuhri fi 'Ilm al-Fawasil*, Al-Hai'ah al-^cAmmah li Syu'un al-Matabi^c al-Amiriyyah, Cairo, cet. 97, hlm. 77.

⁴ Al-Dhahabi, *Tadhkirat al-Huffaz*, Dar al-Kutub cilmiyah, Beirut, jil 1, m.s 1120.

selepasnya seorang pun yang menyamainya pada kuatnya hafalan dan ketelitian. Al-Dani sendiri pernah mengatakan bahawa apa yang dilihat oleh beliau akan ditulis, dan setiap yang beliau tulis itu akan diingati dan apa yang diingat tidak akan dilupakan olehnya.

Al-Dani merupakan seorang yang terkehadapan dalam bidang qiraat, riwayat, tafsir al-quran dan bahasa Arab. Beliau meninggal di Daniah pada pertengahan Syawal tahun 444H dan meninggalkan untuk umat kitab-kitab beliau yang sentiasa menjadi rujukan umat.

Antara karya-karya beliau:

bil	Judul
1	كتاب الإبانة في الراءات واللامات لورش
2	كتاب الأجوبة المحققة عن الأسلولة المحرفة
3	كتاب الاكتفاء في معرفة الوقف والابتداء
4	كتاب الإدغام الكبير في القرآن
5	كتاب اختلاف ابن كثير وأبي عمرو
6	كتاب الاختلاف بين أصحاب ابن كثير
7	كتاب الاختلاف بين أصحاب ابن عامر
8	كتاب الاختلاف بين أصحاب أبي عمرو
9	كتاب الأربعه الأحاديث التي تتفرع منه السنن
10	أرجوزة في أصول السنة

3. SUSUNAN KITAB AL-BAYAN FI ^ADDI AYI AL-QURAN

Penyusunan sesebuah karya mengikut susunan yang teratur dan sistematik merupakan persembahan yang membantu kefahaman pembaca. Dalam kitab al-Bayan ini, penulis dapat merumuskan beberapa perkara:

I. Bahagian Pendahuluan⁵:

- a. Pada pendahuluan kitab, seperti kebiasaan yang dilakukan oleh pengarang-pengarang kitab, pengarang memulakannya dengan pujian kepada Allah, Tuhan sekelian alam. Seterusnya selawat dan salam dikalungkan ke atas junjungan besar nabi Muhammad sallallahu ^alaihi wasallam selaku *khatimu*

⁵ Sebelum bicara surah-surah dalam al-Quran

rusulihī wa khiratihī min khalqihī, dan ke atas keluarga, sahabat dan pengikut baginda.

- b. Seterusnya al-Imam mendarangkan hadis-hadis dan riwayat-riwayat yang menjadi sandaran dalam pengiraan ayat. Hadis-ini menjadi bukti bahawa ayat-ayat al-quran telah menjadi tumpuan para sahabat untuk dibaca dan untuk diketahui bilangannya.. Ia tidak sekadar dibaca bahkan dikira.

Contoh:

قال الحافظ : حدثنا فارس بن أحمد قال: أنا أحمد بن عثمان قال: أنا الفضل بن شاذان قال: أنا يحيى بن عبد الحميد الحمانى قال: أنا عبد الله بن جعفر المخرمي عن أبي عون عن مسحور بن مخرمة قال: قلت لعبد الرحمن بن عوف: يا خالي، أخبرني عن قصتكم يوم أحد. قال: أقرأ بعد العشرين ومائة آية من آل عمران تجد قصتنا : وَإِذْ عَدْوَتْ مِنْ أَهْلِكَ تُبَوِّئُ

الْمُؤْمِنِينَ مَقْعِدَ لِلْقِتَالِ وَاللهُ سَمِيعٌ عَلَيْهِ . ۱۱

Ayat di atas bernombor 121 dalam surah Ali Imran. Semua ulama ‘adad mengira surah Ali ‘Imran 200 ayat, tetapi terdapat perkiraan tempat yang berlainan.

- c. Al-Dani mendarangkan riwayat-riwayat bagaimana perbuatan para sahabat dan isteri baginda s.a.w seperti hadis berkenaan empat orang sahabat radiallahu anhum dan saidatina Aisyah r.a mengira-ngira ayat dalam solat mereka.
- d. Memperkenalkan ulama ‘adad dan jumlah perkiraan mereka. Kelompok ulama terdiri daripada:

1	Al-Madani al-Awwal
2	Al-Madani al-Akhir
3	Al-Makki
4	Al-Basri
5	Al-Dimasyqi
6	Al-Himsi
7	Al-Kufi
Gabungan:	
Al-Hijazi = Al-Madani al-Awwal, Al-Madani al-Akhir, dan Al-Makki. .1	
Al-Syami = Al-Dimasyqi, Al-Himsi .2	
Al-‘Iraqi = Al-Basri, Al-Kufi .3	

- e. Dimuatkan dalam bab ini hadis-hadis yang menunjukkan Rasulullah s.a.w menggunakan jari untuk mengira sesuatu seperti dalam hadis yang menyatakan saudara Jibril a.s datang menjadi imam kepada Rasulullah s.a.w. Dalam hadis ini, baginda menyebutkan *فصلت معه* sebanyak lima kali sambil mengira dengan jari baginda.
- f. Dalam permulaan ini al-Imam menghuraikan secara terperinci dalam bab-bab khusus menerangkan perkiraan secara *infiradi*, seterusnya kesepakatan dan khilaf ulama ‘adad secara *jamaie*. Ianya diterangkan seperti berikut:

1	باب ذكر ما انفرد العادون بعده وإسقاطه من جملة المختلف فيه من الآى
2	باب ذكر ما انفرد بعده المدنى الأول
3	ذكر ما أسقط
4	باب ذكر ما عد المدنى الأخير
5	ذكر ما أسقطا
6	باب ذكر ما عد المكى
7	ذكر ما أسقط
8	باب ذكر ما عد الكوفى
9	ذكر ما أسقط
10	باب ذكر ما عد البصرى
11	ذكر ما أسقط
12	باب ذكر ما عد الشامى
13	ذكر ما أسقط
	Dan seterusnya ..

II. Penerangan Khilaf Setiap Surah

Dalam menghuraikan khilaf pada bilangan setiap surah imam al-Dani secara konsisten akan menggunakan pendekatan berikut:

- a. Menyebutkan sifat surah samada bersifat Makki atau Madani.
- b. Menyebutkan surah-surah lain yang sama bilangan ayatnya, seterusnya menyatakan khilaf ulama ^cadad dalam ayat tersebut.

Contohnya seperti dalam surah al-Fatiyah, beliau menyebutkan bahawa persamaan bilangan ayat (tujuh ayat) dalam perkiraan ulama Makki dan Syami (Dimasyqi dan Himsi) ialah dalam surah al-Nas sahaja. Dalam perkiraan ulama Kufi dan Basri pula persamaan tujuh ayat ialah surah al-Ma^cun. Dan untuk Madani al-Awwal dan Thani (al-Aakhir), tiada persamaan⁶.

- c. Beliau menyebutkan bilangan kalimah, menyatakan bilangan huruf dalam surah dan bilangan ayat mengikut kelompok ulama ^cadad.
- d. Kemudian daripada itu, beliau akan menyebutkan tempat-tempat yang terdapat khilaf pada pengiraannya contohnya seperti dalam surah al-Baqarah di bawah:

اختلافها احدى عشرة آية:	
1	الم - عدھا الکوفی ولم یعدھا الباقيون
2	عذاب الیم - عدھا الشامی ولم یعدھا الباقيون
3	مصلحون - لم یعدھا الشامی و عدھا الباقيون
4	إلا خائفین - عدھا البصري ولم یعدھا الباقيون
5	يَا أَوْلَى الْأَلْبَابِ - لم یعدھا المدنی الأول و عدھا الباقيون

- e. Setelah itu, al-Dani menyatakan tempat yang keadaannya seperti akhir ayat tetapi ia tidak dikira sebagai akhir ayat oleh ulama ^cadad. Contohnya seperti dalam surah al-Maidah di bawah.

وفيها ما يشبه الفواصل وليس معدودا باجماع خمسة مواضع	
1	اثنتي عشر نقيبا
2	قوما جبارين

⁶ Sama atau bezanya perkiraan ini bergantung kepada perkiraan kelompok ulama ^cadad masing-masing. Dalam surah al-Nas, ulama ^cadad Makki dan Syami mengira surah ini sebagai tujuh ayat manakala selain mereka sebagai enam ayat. Dalam mengira ayat dalam surah al-Ma^cun, Kufi dan Basri sahaja yang mengira ayat surah ini sebagai tujuh ayat, manakala selain kedua mereka dengan enam ayat. Madani al-Awwal dan Thani tidak ada persamaan dengan bilangan surah al-Fatiyah kerana mereka termasuk dalam kalangan yang mengira al-Ma^cun dan al-Nas sebagai enam ayat.

3	سمعون لقوم آخرين
4	أفحـمـ الـجـاهـلـيـةـ يـبـغـونـ
5	استحقـ عـلـيـهـمـ الـأـوـلـيـانـ

- f. Pada akhir penerangan, ad-Dani menyenaraikan kalimah-kalimat yang terakhir dalam ayat yang dikira sebagai satu ayat.

Dan begitulah beliau menghuraikan setiap keadaan fawasil surah secara konsisten sehingga surah al-Nas.

Tambahan:

1. Dalam kitab al-Bayan ini imam al-Dani tidak menggunakan kaedah mensyarahkan matan seperti yang dibuat oleh imam al-Syatibi dan syeikh Abd Fattah al-Qadi.
2. Beliau juga tidak menggunakan simbol atau rumuz yang untuk menunjukkan bilangan ayat. Beliau menyatakannya bilangan ayat tersebut dengan ayat pernyataan.

4. KESIMPULAN

Karya-karya al-Imam al-Hafiz Abu cAmr al-Dani diakui menjadi penyumbang dan penyeri kepada bidang ilmu al-Qur'an dan al-Qira'at. Selagi ilmu al-Quran digali, selagi itulah karya-karya ulama termasuklah karya al-Dani menjadi bahan rujukan bergenerasi. Selagi al-Quran masih dipegang, selagi ulama tinggi ditatang, ilmu al-Quran akan tetap hidup. Mencari hati-hati manusia yang dahagakan suluhan untuk keluar daripada kegelapan. Dan tidak semua pendahaga itu layak, kerana ilmu itu adalah tinggi kedudukannya di sisi Allah dan mereka yang cukup kriteria sahaja diberi ilmu, kefahaman dan kelayakan untuk menanggungnya. Semoga hidup sentiasa suasana ilmiyyah dalam umat ini dan semoga pengarang pengarang sentiasa mendapat limpahan kasih sayang dan rahmat Allah, dan sumbangannya sentiasa dibaca dan dihargai ummat. Amin.